

16/05/2002

Kerjasama perangi jenayah pupuk persefahaman lebih erat

PERTEMUAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden George W Bush di Washington semalam jelas menampakkan hasil yang positif berikutan harapan yang begitu tinggi diletakkan oleh Amerika Syarikat kepada Malaysia. Bush bukan saja mengucapkan terima kasih terhadap hubungan persahabatan yang dihulurkan oleh Dr Mahathir, malah lebih besar daripada itu, kata Bush, ialah kepemimpinan Dr Mahathir. Ini adalah pengakuan Bush yang begitu jelas terhadap kepemimpinan Dr Mahathir terutama dalam menerajui beberapa isu antarabangsa termasuk ekonomi dan politik.

Berasaskan kepada perkembangan dan pergolakan dunia hari ini terutama membabitkan isu penganas, perubahan sikap pentadbiran Bush terhadap Malaysia tidak boleh dianggap sebagai kenyataan diplomasi, sebagaimana berlaku dalam perbincangan yang membabitkan hubungan dua hala antara dua negara. Sekiranya sebelum ini Malaysia sering dijadikan bahan sasaran dan cemuhan, kononnya tidak memenuhi hasrat antarabangsa, kini Amerika Syarikat memberi sanjungan yang tinggi kepada negara. Sekiranya sebelum ini Amerika Syarikat sering mempersoalkan dasar Malaysia, hari ini Bush mungkin sudah melihatnya dalam perspektif yang berbeza. Suasana perbincangan yang terus terang antara kedua-dua pemimpin menjadi bukti kesungguhan Bush untuk mengeratkan hubungan dengan Malaysia. Bush tentunya sedar pengaruh dan peranan Dr Mahathir yang disegani oleh ramai pemimpin dunia sama ada mewakili negara maju, membangun, mundur dan negara-negara Islam. Bush tidak boleh sewenang-wenangnya bermain dengan kata-kata kerana beliau juga tahu kelantangan suara Dr Mahathir. Sekiranya lain dikata, lain pula yang dilakukan, Bush tahu beliau akan menerima kritikan yang pedas. Bagi Malaysia, sekiranya Amerika Syarikat jujur dalam apa juga tindakannya, tidak ada sebab perlu mengambil sikap penentangan. Malaysia sedar kedudukannya tetapi ini tidak bermakna negara ini boleh membutakan mata dan memekakkan telinga dalam apa juga peristiwa yang berlaku di dunia. Kelantangan negara ini adalah bertempat.

Pengalaman Amerika Syarikat sewaktu pimpinan presiden sebelumnya termasuk Bill Clinton dan Ronald Reagan jelas menampakkan mereka tidak begitu melayani Malaysia. Ketika mentadbir Amerika Syarikat, presiden sebelumnya mungkin tidak nampak sumbangan Malaysia kepada kemakmuran dan keamanan dunia. Tekanan yang dihadapi Bush hari ini menukar persepsi Amerika Syarikat kepada Malaysia. Yang jelas, Bush dapat meramalkan keberkesanan pengaruh Malaysia, walaupun sebuah negara yang kecil tetapi mampu mempengaruhi pendapat dunia. Ramai pemimpin dunia sama ada dari negara Islam dan negara dunia ketiga menyanjung kemampuan Malaysia dan pandangan Dr Mahathir. Bush tentunya mengetahui sikap Dr Mahathir yang pernah mengutus surat kepadanya untuk memperjelaskan pendirian Malaysia berhubung isu penganas. Sehari sebelum pertemuan dengan Bush, kelmarin, Dr Mahathir tidak berselindung mendesak Amerika Syarikat supaya bertanggungjawab terhadap keamanan dunia. Baginya, negara kuasa besar dunia itu perlu mengubah sikap dan kembali sebagai negara yang disanjung oleh dunia sebelum ini. Hari ini, Amerika Syarikat menerima kecaman dari seluruh dunia kerana sikap dan keputusannya yang menyemarakkan kekecohan dunia. Malah, tindakan Amerika Syarikat terhadap negara tertentu jelas menampakkan sikap berat sebelahnya. Paling buruk apabila Amerika Syarikat terang-terang menyokong kegiatan ganas Israel terhadap rakyat Palestin. Disebabkan menyokong Israel, maka Amerika Syarikat dianggap sebagai

mendokong pengganas. Apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, Iraq, Afghanistan dan Palestin, contohnya, jelas menunjukkan Amerika Syarikat tidak bertindak adil kerana memberi tekanan yang begitu hebat kepada negara yang tidak sehaluan dengannya, apatah lagi mereka mewakili umat Islam. Adalah amat bahaya bagi Amerika Syarikat jika terus menunjukkan sikap anti-Islam kerana negara itu akan mengumpul musuh yang terus bertambah.

Sebagai sebuah kuasa yang menjadi penentu kepada sesuatu keadaan - kemusnahan atau keamanan, pentadbiran Amerika Syarikat perlu lebih bijak mengatur langkah. Keputusannya yang bercanggah dengan misi keamanan dunia, menyebabkan imej Amerika Syarikat kian hari kian buruk.

Kini, Bush tentunya sudah mengakui bahawa Dr Mahathir tidak bersandiwara dalam memerangi isu keganasan kerana Malaysia sendiri turut menerima padahnya akibat tindakan segelintir rakyat negara ini yang cenderung melakukan kegiatan ganas untuk merampas kuasa. Dalam isu memerangi keganasan, Malaysia memberi sokongan yang kuat dan berikrar untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang menakutkan umat manusia hari ini. Segala bantuan sudah diberikan kepada Amerika Syarikat terutama apabila Malaysia dijadikan sasaran kecaman kononnya didakwa sebagai sarang pengganas. Dengan termeterainya deklarasi yang ditandatangani Malaysia-Amerika Syarikat untuk merangka kerjasama dalam pencegahan dan memerangi jenayah antarabangsa, kedua-dua negara akan dapat memupuk persefahaman yang lebih erat dan mengenali masalah masing-masing. Ia juga akan dapat mengelakkan Amerika Syarikat membuat tuduhan tanpa siasatan terhadap Malaysia sebagaimana yang berlaku sebelum ini. Dalam apa juga isu yang berlaku di negara ini, Amerika Syarikat perlu memahami hasrat dan isi hati rakyat negara ini sebelum membuat sebarang kesimpulan. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, Malaysia patuh kepada suara rakyat majoriti. Apa juga keputusan dibuat secara perundangan. Tidak ada keputusan yang dibuat di luar batas undang-undang. Amerika Syarikat mungkin mempunyai perspektif yang berbeza mengenai sesuatu isu seperti hak asasi manusia dan sebagainya. Tetapi, ini tidak bermakna memberi lesen kepada negara itu untuk campur tangan dalam semua urusan. Babak baru sudah pun bermula dan diharapkan Amerika Syarikat memenuhi janjinya kepada Malaysia serta tidak lagi melakukan sesuatu yang boleh mengeruhkan hubungan dan kerjasama yang sudah terjalin.

(END)